

# BRICS mekanisme kurangkan kebergantungan dolar AS

Global Selatan terus perkukuh kerjasama atasi tekanan dari negara industri

**Vladivostok:** BRICS adalah mekanisme penting untuk mengurangkan kebergantungan negara anggota terhadap dolar Amerika Syarikat (AS), kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, isu penggunaan mata wang tempatan sebelum ini dilakukan dengan China, Indonesia dan sehingga ke tahap tertentu dengan Thailand, manakala kini dibincangkan dengan India.

"Kami masih bergantung kepada dolar, tetapi sekurang-kurangnya untuk mengurangkan impak, kami perlu melakukannya dan BRICS tentunya satu lagi mekanisme untuk mencapai tujuan itu," katanya.

Beliau bercakap pada wawancara bersama agensi berita *Russia RIA Novosti* dan penyiar RT, lapor *Sputnik*.

Katanya, BRICS adalah penting untuk mengukuhkan kerjasama dalam kalangan negara di Global Selatan serta membendung tekanan dari negara perindustrian yang kaya.

"Kami sangat menghargai hakikat bahawa Presiden (Vladimir) Putin secara rasmi menjemput saya untuk menghadiri mesyuarat BRICS di Kazan bulan depan.



Anwar bersama Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan (kiri) serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz (kanan) pada sidang media sempena Forum Ekonomi Timur (EEF) ke-9 di Vladivostok, kelmarin. (Foto BERNAMA)

"Dasar kami sudah tentunya untuk memperkukuh Global Selatan. BRICS adalah mekanisme yang sangat penting untuk memperkukuh kerjasama seperti itu dalam kalangan negara di Global Selatan.

"Bukan untuk mencetuskan permusuhan, tetapi sekurang-kurangnya membendung tekanan dari negara perindustrian lebih kaya, selain membina kekuatan bersama," katanya.

Anwar menekankan bahawa Global Selatan mesti mengatur strategi untuk menjadi lebih kuat bagi menahan tekanan yang dihadapi.

"Kami juga perlu mengatur untuk menjadi lebih kuat, agar dapat menahan tekanan yang di

luar kawalan kami. Itu bagi saya, kebijaksanaan," katanya.

Ditubuhkan pada 2009, BRICS dianggotai Brazil, Russia, India dan China.

Afrika Selatan menyertai organisasi itu pada 2010, manakala Iran, Mesir, Ethiopia dan Emiriah Arab Bersatu menjadi ahli baharu pada Januari tahun ini. Malaysia telah menunjukkan minat menyertai perkumpulan itu.

Mengenai lawatan kerja dua hari ke Russia, Perdana Menteri berkata, ia menjadi rangsangan besar bagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Russia.

Lawatan itu amat dialu-alukan Russia yang jelas kelihatan apabila Anwar mendapat tepukan

gemuruh beberapa kali daripada hadirin ketika beliau menyuarakan pandangan di sesi pleno Forum Ekonomi Timur (EEF) ke-9 di sini.

Sambil menyifatkan lawatan itu penting kepada dirinya, Anwar berkata, ia membuka lebih banyak peluang penting kepada kedua-dua negara meningkatkan kerjasama dua hala.

## Perkasa pelbagai bidang

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, mesyuarat dua hala dengan Putin digunakan sepenuhnya bukan saja untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan kerjasama kerajaan dengan kerajaan (G2G), malah termasuk hubungan dalam bidang

aeroangkasa, teknologi canggih, peralihan tenaga dan pertanian moden.

"Selain itu aspek seperti ekonomi, penyelidikan, pendidikan, dan pembangunan produk halal, khususnya industri kewangan Islam turut dibincangkan," katanya.

Kehadiran Anwar ke Vladivostok adalah atas jemputan Presiden Russia untuk perbincangan dua hala dan mengambil bahagian pada sesi pleno EEF ke-9.

EEF ialah forum ekonomi tahunan diadakan di wilayah Timur Jauh Russia yang bermula pada 2015 bagi menggalakkan pelaburan dan pembangunan ekonomi serta kerjasama antarabangsa di rantau ini.

Mengharungi jadual padat, pelbagai isu dibincangkan termasuk penyertaan Malaysia dalam BRICS, pengerusi ASEAN pada 2025, mengetengahkan isu kekejaman Israel terhadap Palestin, selain mengusulkan penerbangan terus yang menghubungkan kedua-dua negara.

Mengenai jawatan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN tahun depan, Anwar juga menyampaikan jemputan kepada Putin untuk menyertai sidang kemuncak ASEAN 2025 ketika mesyuarat dua hala pada Rabu lalu.

Sambil memberi jaminan Malaysia adalah negara sahabat, tanpa ditentukan mana-mana kuasa, Anwar berkata, Malaysia dan Russia harus memberi pertimbangan untuk memperkenalkan penerbangan terus bagi meningkatkan laluan pelancong antara kedua-dua negara.

BERNAMA